



SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BIL: 6/2018
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**PERLAKSANAAN PENDEKATAN AWAM
OLEH AGENSI-AGENSI KERAJAAN**

Sukacita dimaklumkan bahawa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa mengambil berat akan perlaksanaan dasar yang menjurus kepada kesejahteraan rakyat serta penduduk dan pembangunan negara. Sehubungan dengan itu, pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, maka agensi kerajaan adalah dikehendaki untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti pendekatan awam (*Public engagement*) dalam melaksanakan apa jua dasar, program atau projek ke arah menjayakan Wawasan Brunei 2035 dan Wawasan Perkhidmatan Awam Abad ke-21.

2. Penekanan terhadap perlaksanaan aktiviti-aktiviti pendekatan awam bertujuan untuk mempertingkatkan lagi hubungan baik di antara agensi kerajaan dengan orang ramai, di samping menggalakkan setiap agensi kerajaan supaya lebih peka terhadap keperluan masyarakat dan pihak berkepentingan (*stakeholders*) dalam merancang dasar / program / projek yang sesuai dengan kehendak semasa.
3. Jabatan Perdana Menteri mengambil maklum sememangnya terdapat beberapa agensi kerajaan yang mengadakan aktiviti-aktiviti pendekatan awam seperti perjumpaan, kajiselidik, sesi dialog dan seumpamanya. Perlaksanaan aktiviti seperti ini hendaklah dipergiatkan terutama sebelum melaksanakan apa jua dasar / program / projek dan turut digunakan sebagai mekanisme bagi memantau perlaksanaan dasar / program / projek berkenaan secara berterusan.
4. Bersama ini disertakan **Garispanduan Pendekatan Awam** yang boleh digunakan sebagai rujukan agensi-agensi kerajaan yang ingin melaksanakan sebarang aktiviti pendekatan awam. Garispanduan ini menerangkan antaranya lima (5) peringkat dan prinsip pendekatan awam, penggunaan media digital serta langkah-langkah dalam melaksanakan pendekatan awam. Garispanduan tersebut juga boleh dimuat turun melalui laman sesawang Jabatan Perkhidmatan Pengurusan, <http://www.msd.gov.bn>.

...2/-




-2-

5. Surat keliling ini berkuatkuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.

Sekianlah sahaja yang dapat dimaklumkan pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

" Berhemah dan Berwibawa Membangun Negara"

[MOHD RIZA BIN DATO PADUKA HAJI MOHD YUNOS]
Setiausaha Tetap

Jabatan Perdana Menteri,
Istana Nurul Iman,
Bandar Seri Begawan BA1000,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Rujukan : (6) JPM/SK/2018

Tarikh : 14 Sya'ban 1439

30 April 2018